

KERATAN AKHBAR HARI INI (BERITA)

AKHBAR	BH	MUKA SURAT	6
HARI & TARIKH	10/1	RUANGAN	Nasional
DISEMAK OLEH			



Nur Jazlan berbual dengan pelajar yang menyertai **Program Walk To Library** di Johor Bahru, semalam.

[FOTO MOHD. AZREN JAMALUDIN/BH]

RUU MKN tak bercanggah Perlembagaan

6 Niswani
BH
10/1/2015

Johor Bahru: Kementerian Dalam Negeri menafikan Rang Undang-undang (RUU) Majlis Keselamatan Negara (MKN) bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, termasuk menghakis kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat.

Timbalan Menterinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata MKN yang diwujudkan sejak lebih 40 tahun lalu hanya mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan untuk soal keselamatan sahaja, termasuk jenayah merentas sempadan dan keganasan.

"Rang Undang-undang MKN ini tidak bercanggah dan tidak mengurangkan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk isytiharkan darurat dan dakwaan Pakatan Harapan ini adalah tidak berasas sama sekali. Mereka tidak ada pengalaman memerintah negara serta tindakan mereka tidak berasas dan Barisan Nasional (BN) yang memerintah selama ini," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan dan tindakan Pakatan Harapan yang bercadang menyerahkan satu memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah sebagai satu bantahan terhadap rang undang-undang itu.

Selaras operasi keselamatan negara

Pada 22 Disember lalu, Dewan Negara meluluskan Rang Undang-Undang MKN 2015 yang memperuntukkan 15 kuasa khas bagi penubuhan MKN serta pasukan keselamatan mengawal dan menyelaras operasi berkaitan keselamatan negara.

Rang undang-undang itu memperuntukkan bidang kuasa khas merangkumi penahanan masuk dan pemindahan orang; perintah berkurung; kuasa untuk mengawal pergerakan jalan; kuasa menangkap; kuasa untuk memeriksa dan menyita; kuasa untuk menggeledah premis bagi benda berbahaya; kuasa untuk memeriksa orang bagi benda berbahaya dan kuasa untuk menyita kenderaan, vesel, pesawat udara atau pengangkut.

Terdahulu Nur Jazlan merasmikan Majlis Walk To Library anjuran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Yahya Awal di Perbadanan Perpustakaan Awam Johor, di sini.